



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 8 JUN 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MASALAH BEKALAN IKAN,AYAM SEMAKIN PULIH, NASIONAL, BH-8 NEKMAT HARAP PENDARATAN IKAN PULIH, NEGERI, SH-27 NEKMAT HARAP PENDARATAN IKAN PULIH,UTUSAN.COM-ONLINE	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
4.	BEKALAN BAJA LEWAT JEJAS HASIL PADI 80 PESAWAH,NEGARA,KOSMO-17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	CO-OP DELIVER LONG-TERM BENEFITS TO FISHERMEN, NATION,THE STAR-9 MENGOPTIMUM TEKNOLOGI PERTANIAN,K2,KOSMO-22 KONDOMINIUM TERNAKAN KETAM NIPAH,K2,KOSMO-20-21 PERTANIAN BANDAR BEKALKAN MAKANAN, K2,KOSMO-21 JUAL DURIAN HINGGA 1,000KG SEHARI,NEGERI PAHANG,SH-23 PEMBENIHAN AWAN TINGKATKAN PARAS AIR KOLAM BUKIT MERAH,NASIONAL,SH-7 BEKALAN AYAM DI KELANTAN PULIH, LOKAL,HM-9 KPLB YAKIN DAPAT ATASI MAKANAN NEGARA,UTUSAN.COM-ONLINE RM10 JUTA DIPERUNTUKKAN UNTUK PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN- KPLB,MALAYSIAPOST.COM-ONLINE KPLB TINGKATKAN PENGELUARAN BEKALAN MAKANAN NEGARA, EDISI9.COM- ONLINE PPP TINGKATKAN PENGELUARAN BEKALAN MAKANAN NEGARA, SUARA MERDEKA.ONLINE MINISTRY ALOCATES RM10M FOR RURAL B40 COMMUNITY,NATIONAL,THE SUN-2 SWEET NIRA TERENGGANU DIJENAMA SEMULA DAPAT PERMINTAAN, HAKAKAH DAILY-ONLINE BEKALAN IKAN STABIL, HARGA RUNCIT MASIH RENDAH,KOSMO.COM-ONLINE BEKALAN AYAM PULIH DALAM TEMPOH SEBULAN-FLFAM,UTUSAN.COM-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Masalah bekalan ikan, ayam semakin pulih

Alor Setar: Keadaan cuaca yang dijangka pulih menjelang hujung bulan ini dijangka mampu mengatasi masalah kekurangan hasil laut terutama bekalan ikan apabila nelayan mula dapat keluar ke laut.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari, berkata pihaknya menjangkakan nelayan mampu mendaratkan ikan hingga 600,000 tan berbanding hanya 300,000 tan sepanjang tempoh dua bulan kebelakangan ini.

"Masalah kekurangan bekalan ikan berlaku disebabkan beberapa faktor termasuklah keadaan cuaca tidak menentu, kekurangan tenaga pekerja asing dan kos diesel bot nelayan kelas C2.

"Namun, kami yakin isu pendaratan ikan berkurangan yang berlaku hingga menyebabkan kenaikan harga ikan di pasaran akan pulih semula pada akhir

bulan ini," katanya dihubungi semalam.

Sebelum ini, media melaporkan pendaratan ikan terutamanya di utara Semenanjung berkurangan hingga 70 peratus lalu.

daripada lebih sejuta tan kepada kira-kira 300,000 tan sebulan berikutan keadaan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu.

Kekurangan bekalan ikan itu menyebabkan harga ikan di pasaran meningkat antara 10 hingga 20 peratus berikutan permintaan orang ramai yang tinggi ketika ini.

Mengulas lanjut, Abdul Hamid berkata, pihaknya berharap kerajaan dapat mempertimbang kan semula pemberian subsidi minyak kepada bot nelayan kelas

C2 yang menjadi penyumbang terbesar tangkapan ikan negara. Bot kelas C2 memerlukan sekurang-kurangnya RM45,000 untuk membeli diesel sebanyak 10,000 liter setiap kali keluar ke laut selama beberapa hari.

"Harga diesel untuk bot kelas C2 kini mencecah RM4.70 se-liter berbanding RM1.65 liter bagi bot kelas A,B dan C. Saya yakin jika nelayan kelas C2 turut mendapat subsidi, maka mereka dapat mendaratkan lebih banyak ikan.

Mengenai stok ikan, beliau memaklumkan buat masa ini NEKMAT masih memiliki kira-kira 30 tan stok ikan sejuk beku untuk menampung permintaan pengguna sebelum pendaratan ikan pulih.

Sementara itu di Kota Bharu, tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah semalam mendapati bekalan ayam segar di Kelantan sudah pulih sejak seminggu lalu apabila peniaga memperoleh jumlah yang mencukupi daripada pembekal.

Semua peniaga mendapat bekalan ayam daripada pembekal dan pemborong sama ada dari Kelantan atau Perak.

Peniaga ayam, Rusmini Hanafi, 48, berkata dia mendapat ayam yang cukup sebanyak 300 ekor sehari, berbanding sekitar 100 hingga 150 ekor sehari sebelum ini.

"Alhamdulillah bekalan ayam sudah cukup, namun harganya tinggi sedikit menyebabkan tidak ramai pelanggan datang membeli di kedai.

"Namun, saya bersyukur kerana ada pelanggan tetap seperti pengusaha kanstin hospital dan pemilik kedai makan yang me-

ngambil bekalan dengan saya," katanya yang sudah berniaga ayam lebih 20 tahun.

Pemborong ayam, Kamariah Hanafi, 58, berkata dia mendapat bekalan ayam daripada pembekal antara 500 hingga 800 ekor sehari. Ayam diperoleh daripada pembekal dengan harga RM8.90 sekilogram sebelum dijual kepada penjual dan peruncit.

"Bekalan ayam sudah pulih, namun harga makin naik, saya hanya dapat untung yang kecil tapi tak mengapa asalkan bekalan setiap hari habis dijual," katanya.

Pembeli, Abdul Kadir Ali, 73, berkata harga ayam sangat mahal iaitu RM9.50 sekilogram menyebabkan pengguna rasa terbeban.

"Saya harap kerajaan memantapkan harga ayam memandangkan bekalan sudah pulih dan saya lihat bekalan ayam di pasar juga banyak," katanya.



Abdul Hamid Bahari

Nekmat harap pendaratan ikan pulih

Kerajaan diminta timbang semula pemberian minyak kepada bot nelayan kelas C2

Oleh **NURUL HIDAYAH
HAMID**
ALOR SETAR

Pendaratan ikan khususnya di kawasan utara semenanjung Malaysia yang berkurangan hingga 70 peratus dalam tempoh dua bulan ini diharap akan meningkat semula pada akhir Jun.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, pendaratan ikan sebelum ini menurun daripada lebih 1 juta tan sebulan kepada kira-kira 300,000 tan.

Namun, beliau berkata, Nekmat optimis pendaratan ikan akan meningkat semula hingga mencapai 600,000 tan berbanding 300,000 tan sebelum ini.



Nekmat optimis isu pendaratan ikan yang berkurangan hingga menyebabkan kenaikan harga ikan di pasaran akan pulih semula pada akhir Jun. Gambar kecil: ABDUL HAMID

"Masalah kekurangan bekalan ikan berlaku disebabkan beberapa faktor termasuklah keadaan cuaca tidak menentu, kekurangan tenaga pekerja asing dan kos diesel bot nelayan kelas C2.

"Namun, kami yakin isu pendaratan ikan berkurangan yang

berlaku hingga menyebabkan kenaikan harga ikan di pasaran akan pulih semula pada akhir bulan ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Bagi membolehkan masalah itu diatasi segera, beliau memohon supaya kerajaan menimbang semula pemberian

minyak kepada bot nelayan kelas C2 yang merupakan penyumbang terbesar tangkapan ikan negara.

Tambah Abdul Hamid, bot kelas C2 memerlukan tidak kurang daripada RM45,000 untuk minyak diesel bagi 10,000 liter jika dibandingkan dengan peng-

usaha bot yang mendapat subsidi minyak.

Mengulas lanjut, katanya, harga seliter minyak diesel untuk bot kelas C2 mencecah RM4.70 berbanding RM1.65 seliter bagi bot kelas A, B dan C.

Disebabkan itu, beliau yang juga Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Kedah yakin bekalan ikan dalam negara akan pulih segera sekiranya kerajaan memberi kembali subsidi kepada nelayan bot kelas C2.

Tambah beliau, Nekmat buat masa ini masih memiliki kira-kira 30 tan stok ikan sejuk beku apabila keadaan memertukan sebelum pendaratan ikan pulih seperti sedia kala.

Pada 22 Mei lalu, Nekmat memaklumkan pendaratan ikan terutama di utara semenanjung Malaysia berkurangan hingga 70 peratus iaitu lebih 1 juta tan ke- bulan berikutnya cuaca tidak menentu.

Bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada 4 Jun lalu dilaporkan menjangkakan bekalan ikan yang berkurangan kembali pulih pada bulan ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	UTUSAN.COM	ONLINE	

NEKMAT HARAP PENDARATAN IKAN PULIH AKHIR JUN

NURUL HIDAYAH HAMID | | 07 Jun 2022



Pendaratan ikan khususnya di kawasan utara Semenanjung Malaysia yang berkurangan hingga 70 peratus dalam tempoh dua bulan ini diharap akan meningkat semula pada akhir Jun. - Foto 123rf (Gambar kecil: Abdul Hamid)

ALOR SETAR – Pendaratan ikan khususnya di kawasan utara Semenanjung Malaysia yang berkurangan hingga 70 peratus dalam tempoh dua bulan ini diharap akan meningkat semula pada akhir Jun.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, pendaratan ikan sebelum ini menurun daripada lebih 1 juta tan sebulan kepada kira-kira 300,000 tan sahaja.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihak mereka optimis pendaratan ikan akan meningkat semula hingga mencapai 600,000 tan berbanding 300,000 tan sebelum ini.

“Masalah kekurangan bekalan ikan berlaku disebabkan beberapa faktor termasuklah keadaan cuaca tidak menentu, kekurangan tenaga pekerja asing dan kos diesel bot nelayan kelas C2.

“Namun, kami yakin isu pendaratan ikan berkurangan yang berlaku hingga menyebabkan kenaikan harga ikan di pasaran akan pulih semula pada akhir bulan ini,” katanya kepada Sinar Harian pada Selasa.

Bagi membolehkan masalah ini diatasi segera, beliau memohon supaya kerajaan menimbang semula pemberian minyak kepada bot nelayan kelas C2 yang merupakan penyumbang terbesar tangkapan ikan negara.

Tambah Abdul Hamid, bot kelas C2 memerlukan tidak kurang daripada RM45,000 untuk minyak diesel bagi 10,000 liter jika dibandingkan dengan pengusaha bot yang mendapat subsidi minyak.

Mengulas lanjut, katanya, harga seliter minyak diesel untuk bot kelas C2 mencecah RM4.70 seliter berbanding RM1.65 liter bagi bot kelas A,B dan C.

Disebabkan itu, beliau yang juga Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Kedah yakin bekalan ikan dalam negara akan pulih segera sekiranya kerajaan memberi kembali subsidi kepada nelayan bot kelas C2.

Tambah beliau, Nekmat buat masa ini masih memiliki kira-kira 30 tan stok ikan sejuk beku apabila keadaan memerlukan sebelum pendaratan ikan pulih seperti sedia kala.

Pada 22 Mei lepas, Nekmat memaklumkan pendaratan ikan terutamanya di utara Semenanjung Malaysia berkurangan hingga 70 peratus iaitu lebih sejuta tan kepada kira-kira 300,000 tan sebulan berikutan cuaca tidak menentu.

Bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada 4 Jun lepas dilaporkan menjangkakan bekalan ikan berkurangan kembali pulih pada bulan ini.

Bekalan baja lewat jejasakan hasil padi 80 pesawah

PENDANG – Kira-kira 80 pesawah di Kampung Alor Beralah dalam mukim Tobiar di sini mendakwa, mereka belum menerima bekalan baja bersubsidi untuk proses penanaman padi pada musim ini.

Rata-rata pesawah ditemui menyuarakan kebimbangan hasil padi terjejas kerana terlewat menabur baja pada tanaman mereka.

Seorang pesawah, Hasbullah Hassan, 65, berkata, dia difaham-

kan kira-kira 80 pesawah melibatkan keluasan 20 hektar sawah terlibat dalam masalah kelewatan baja tersebut.

Ujarnya, pesawah bimbang hasil padi berkurangan sekiranya mereka tidak dapat menabur baja dalam tempoh ditetapkan.

"Ramai pesawah di kawasan ini telah mulai menabur benih bekalan baja masih belum sampai.

"Kami tidak boleh menung-

gu bekalan baja sampai untuk tabur benih padi kerana ia akan mengambil masa dan bimbang bekalan air akan berkurangan, tambahannya di sini semalam.

Bekalan baja bersubsidi tersebut dibekalkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan diagihkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Katanya, kelewatan menabur baja dikhuatiri boleh menyebabkan proses pertumbuhan anak padi menjadi akan terencat se-

terusnya menjejaskan tumbesaran pokok padi.

Menurut Hasbullah, kerja-kerja menabur baja biasanya dilakukan kira-kira dua minggu selepas benih padi ditabur.

"Saya berharap MADA dapat menyelesaikan masalah inicepat mungkin kerana jika terlewat, anak pokok padi akan bertukar kekuningan dan dikhuatiri menjejaskan pengeluaran padi pada musim ini," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Mat Zo-

hir Shariff, 56, pula berkata, kebanyakan pesawah juga terpaksa menggunakan baja yang diterima pada musim lalu, namun ia tidak mencukupi.

"Baja sedia ada adalah terhad dan tidak mencukupi untuk kerja membaja untuk musim ini.

Sementara itu, Pengerusi Persekuteraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Fuad Yaacob berkata, masalah itu berlaku di kawasan MADA di fasa satu dan dua.

CO-OP TO DELIVER LONG-TERM BENEFITS TO FISHERMEN

By CINDY YEOH
cindyyeoh@thestar.com.my

THE newly set up co-operative Koperasi Komuniti Pulau Pinang Seldtan Berhad (KKPPSB) is being tasked with delivering key benefits of the Penang South Islands' (PSI) Social Impact Management Plan (SIMP) - to be rolled out in the second half of this year.

The co-operative is the main contractor in the temporary facilities project in Permatang Tepi Laut, which involves building a temporary jetty with storage facilities along Sungai Bayan Lepas.

The temporary facilities will replace the old sheds and platforms haphazardly built by the fishermen. The fishermen will be able to use the temporary facilities until the Permatang Tepi Laut multipurpose jetty is built after PSI's Island A has taken shape.

Jobs and business opportunities

KKPPSB chairman Dr Muhammad Fadly Zakaria said the co-operative would be overseeing the temporary jetty project, which would be awarded to sub-contractors soon for construction work to begin next month.

"The project's subcontractors and suppliers will be locals. They may even be our co-op members. We are now shortlisting the potential subcontractors for a limited tender process.

"By doing it this way, we can ensure the project directly gives jobs and business opportunities to south Penang island locals. We want locals to benefit from the project," he said after KKPPSB's first board meeting recently.

Apart from local fishermen, who make up the majority of KKPPSB members, the co-op's membership is also open to residents and business owners, such as contractors, suppliers, and other providers of goods and services in south Penang island.

New boats and engines

KKPPSB is also hoping the state government will appoint it to manage the procurement and delivery of the first hatch of 20 new boats and engines to fishermen in the PSI area, who are in dire need of new vessels.

"We understand that the state is aiming to deliver the first six boats in July this year, and we hope to be able to play a role to facilitate the handover," Fadly said.

KKPPSB was set up under the SIMP scheme, which offers benefits to south Penang Island fishermen who are involved in the PSI project.

Among the SIMP benefits, which are to be rolled out in the near future are:

- > New boats and engines for 315 boat owners from the Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar and Gertak Sanggul fishermen units.

- > Temporary fishermen's facilities in Permatang Tepi Laut.

- > Job and business opportunities.

Better fish prices, higher income

Another business activity that directly benefits the fishermen is the co-op's "Samudra Initiative" which involves buying the fishermen's daily haul for a better price and reselling them for a profit.

Samudra aims to protect fishermen from being exploited by middlemen who offer lower than the market price and to ensure they gain a better income from their

KKPPSB hopes for more roles in Penang South Islands' Social Impact Management Plan



The Penang government is working on providing the first 20 boats to boat owners who have signed up for the Social Impact Management Plan.



Fadly (in blue shirt) said KKPPSB must run business activities that can generate income so that it can function independently. With him is Ahmed Zakryuddin (left), who said that KKPPSB has the state government's support.



Soil investigation works are now underway at Sungai Bayan Lepas where the state government will build temporary jetties and storage facilities for Permatang Tepi Laut fishermen, in addition to the multipurpose jetty that will be built after PSI's island A has taken shape.

Benefits for fishermen under the Penang South Islands' (PSI) Social Impact Management Plan (SIMP) to be rolled out in the near future include:

- > New boats and engines for 315 boat owners from the Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar and Gertak Sanggul fishermen units.

- > Temporary fishermen's facilities in Permatang Tepi Laut.

- > Job and business opportunities.

catch.

Under the initiative, the fishermen can form groups and pick a middleman from among themselves to sell their fish to KKPPSB.

"The co-op will buy the fish at a better price. The middlemen chosen by the fishermen will earn salaries and a 10% commission from the sales.

"KKPPSB will sell the fish at market rate and 70% of the profits will go back to the fishermen annually as a bonus. The rest of the profits will be kept by the co-op to offer as dividends to our members," Fadly said.

He said the state government would channel RM350,000 to the co-op as capital to kickstart the initiative by the end of the year.

He added that there is still much to be done, such as identifying interested fishermen, selecting the middlemen, hiring a local consultant to design the cold room to store the fish, and sorting out the logistics and necessary licences.

Under the law, any party selling fish must first obtain a licence from the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM).

Fadly said KKPPSB must engage in business activities that could benefit its members and generate income to operate independently in the long run.

"We need to be able to move forward and stand on our own feet like other co-operatives, without relying on the state government. We hope the community and fish-

ermen can come together to make this a success," he said.

The co-op is also planning to buy a passenger boat to provide water transportation services to the public and construction workers to support the upcoming PSI construction activities.

Upskilled fishermen

Fadly said that the co-op could, in the future, also act as an agent for fishermen who have seafarer licences to ferry passengers around for sport fishing and sightseeing.

"So far, the SIMP programme has arranged for nine fishermen to take the seafarer course. They passed the test last month to earn the Certificate of Competency (COC) to be seafarers.

"They can now ferry passengers and work on pontoons to make extra income. More fishermen will have the opportunity to take the course as the PSI project progresses.

"When we have more seafarers, KKPPSB can serve as the agent to handle bookings for such boat outings," he said.

New seafarers

One of the new seafarers Loo Tang Nee, 42, from Gertak Sanggul, said the Marine Department's oral test, which was the last hurdle, was not too difficult.

"I now look forward to earning side income from providing water transportation services," he said.

KKPPSB advisor Datuk Ir Ahmad Zakryuddin Abd Rahman, who is Penang deputy chief minister (D) and the state executive councillor in charge of co-operatives, said the co-operative's involvement in implementing the SIMP should boost the local fishermen's confidence in the Penang government's commitment to look after their interests.

"KKPPSB aims to take care of the fishermen's welfare and empower them to become better, not to compete with any association or other co-operatives.

"With the state government's support, KKPPSB will be able to play its role well to deliver the SIMP benefits transparently according to regulations and bylaws that govern co-operatives," he said.

Mengoptimimum teknologi pertanian



Varia

Oleh
DR. MOHD. ZAIDI
MD. ZABRI

UMUM mengetahui bahawa salah satu sektor yang paling terkesan dek pandemik Covid-19 ialah sektor ekonomi.

Meskipun begitu, di sebalik kejayaan negara kita memasuki fasa peralihan endemik, salah satu akibat tidak disengajakan (*unintended effect*) yang sedang dirasakan oleh rakyat kebanyakan ialah kenaikan harga barang atau lebih dikenali sebagai inflasi.

Untuk rekod, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar inflasi negara pada April 2022 telah meningkat 2.3 peratus berbanding April 2021. Kenaikan telah didorong sebahagian besarnya oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.1 peratus) ini juga telah melepasi purata inflasi negara bagi tempoh 2011 hingga April 2022 iaitu 1.9 peratus.

Selain itu, pada Mac lalu, dunia juga terpaksa berhadapan krisis makanan yang meruncing sejak berdekad lamanya berikutan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine. Untuk konteks ini, Rusia merupakan pengeluar utama baja yang diperlukan untuk menanam bijirin.

Rentetan pencerobohan ini juga, Ukraine tidak lagi dapat mengeksport jagung dan bijirin yang merupakan komponen utama makanan ayam.

Hasilnya, rakyat Malaysia telah menyaksikan harga ayam melonjak setinggi RM15 sekilogram meskipun pihak kerajaan telah menetapkan harga siling jualan sebanyak RM8.90.

Kenaikan berterusan dalam inflasi harga makanan ini juga telah menjejaskan kuasa beli dan pendapatan M40 dan B40 yang masih bergelut dengan kesan pandemik Covid-19.

Justeru, sebagai langkah jangka masa pendek, mulai 1 Jun, negara kita telah mengurangkan eksport ayam yang mencecah 3.6 juta ayam setiap bulan demi menstabilkan pengeluaran dan harga domestik.

Pun begitu, sekiranya permasalahan kekurangan bekalan ayam ini ditingkap secara holistik, kita bakal menyaksikan permasalahan lebih membarah iaitu masalah struktur industri pertanian Malaysia yang bergantung tinggi kepada makanan import.

Malah, jika kita mengambil kira jumlah besar import makanan kita, pada 2020 sahaja, Malaysia telah mengimport produk makanan sebanyak RM55.5 bilion, berbanding eksport bernilai RM33.8 bilion iaitu defisit sebanyak RM21.7 bilion. Sebagai perbandingan, jumlah defisit ini hampir menyamai peruntukan perbelanjaan mengurus bagi kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2022 iaitu RM28 bilion.

Bahkan, yang lebih membimbangkan, sejak sedekad lalu, jumlah terkumpul import makanan negara ialah sebanyak



KRISIS makanan termasuk harga ayam yang melambung baru-baru ini turut menambah lagi kesukaran hidup rakyat yang baru sahaja bergelut dengan kesan pandemik Covid-19. - GAMBAR HIASAN



BAGI mengatasi pergantungan import makanan, rakyat Malaysia seharusnya mula memanfaatkan pelbagai teknologi pertanian untuk bercucuk tanam. - GAMBAR HIASAN

RM482.8 bilion berbanding eksport (RM296 bilion).

Permasalahan ini juga semakin meruncing dengan kejatuhan nilai ringgit Malaysia. Untuk konteks ini, pada 1 Januari 2022, AS\$1 bersamaan RM4.18. Sejak belakangan ini, ringgit telah melemah kepada hampir RM4.40.

Sebagai contoh, seminggu sebelum Rusia menceroboh Ukraine, harga gandum dunia ialah sekitar AS\$760.14 (RM3,200.19) per bushel. Kini, harga gandum berlegar sekitar AS\$1,000 (RM4,391.50). Disebabkan kejatuhan nilai ringgit, para penternak ayam perlu menyerap kenaikan kos hampir setengah kali ganda untuk mengimport bahan mentah mereka.

Natijahnya, semakin banyak import kita, lebih banyaklah ringgit yang mengalir keluar dari negara ini. Semakin 'deras' pengaliran keluar mata wang

kita, kedudukan ringgit akhirnya bakal melemah.

Di samping itu, Indeks Keselamatan Makanan Global 2021 oleh The Economist Group meletakkan Malaysia di kedudukan ke-39, jauh di belakang negara-negara seperti Ireland, United Kingdom dan Finland serta negara jiran seberang tambak iaitu Singapura (ke-15).

Bukan itu sahaja, kita juga tewas dengan negara-negara beriklim gersang seperti Qatar (ke-24) dan Kuwait (ke-30).

Sebagai penyelesaian jangka masa sederhana dan panjang, kita harus mengusahakan seluas mungkin tanah daripada 'bank' tanah terblat di negara ini. Menurut Jabatan Pertanian Malaysia, keluasan tanah terblat di negara ini ialah 1,035.63 kilometer persegi iaitu sebesar negeri Pulau Pinang yang berkeluasan 1,031km persegi.

Justeru, kita memerlukan

penggembilngan tenaga dan kerjasama strategik di antara kerajaan persekutuan dan negeri demi memanfaatkan khazanah alam sebesar Pulau Pinang ini.

Selain itu, kita boleh memanfaatkan bangunan terbiar bagi menanam pelbagai jenis tanaman makanan terutamanya sayur-sayuran.

Sudah tiba masanya kita mengoptimimumkan penggunaan teknologi pertanian seperti pertanian pintar (*smart farming*), pertanian jitu (*precision farming*) dan pertanian menegak (*vertical farming*) yang dipacu oleh Internet of things (IoT), data raya (*big data*) dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*).

Selain itu, kita juga perlu mengatasi antara permasalahan terbesar dalam industri pertanian negara iaitu kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan kadar penglibatan golongan belia yang rendah iaitu hanya 15 peratus daripada 14 juta belia di negara ini.

Jadi, kita memerlukan sebuah pelan pelaksanaan komprehensif bagi melakukan kerjasama sinergistik di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dan Kementerian Bella dan Sukan dalam merangka program latihan dan membangunkan insentif kewangan bersasar demi membantu menarik minat usahawan tani muda melibatkan diri dalam sektor pertanian.

Melalui usaha ini, kita bakal merancangkan pengeluaran makanan tempatan, menjamin keselamatan makanan, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sekali gus memperlahankan kesan pemanasan global.

DR. MOHD. ZAIDI MD. ZABRI ialah pensyarah kanan di Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	KOSMO	K2	20



RABU 08.06.2022

K2

Menyelami
Hidup Anda

'Kondominium' ternakan ketam nipah

MENERUSI Sistem Penternakan Ketam Kompak atau *Compact Crab Farming System*, ketam nipah boleh ditenak secara tertutup di dalam kotak-kotak kecil yang disusun menegak tanpa perlu penggunaan kolam atau ruang yang luas.

Kosmo!

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	KOSMO	K2	20



PERALATAN yang digunakan untuk memantau kesihatan air. - MOHD. SHAH-JEHAN MAAMIN

KIRI: Musa mengeluarkan salah satu ketam nipah ternakannya dari kotak ternakannya di Kampung Ujong Pasir, Seremban. -

Rencana Utama
Oleh FARID AHMAD TARMUI

Ternak ketam nipah dalam kotak bak peti surat kondoo

Di satu sudut kelihatan seorang lelaki sedang memegang isi ikan yang telah dipotong kecil dengan menggunakan penyepit untuk diberi makan kepada ketam-ketam nipah ternakannya.

Menariknya ketam-ketam tersebut bukan berada di dalam kolam sebaliknya dalam kotak-kotak seperti peti surat di apartment atau kondominium.

Kepingan kecil ikan itu disua ke arah ketam selepas pintu kotaknya dibuka.

"Ketam ini hanya makan sekali sehari dan biasanya saya akan memberi ikan



POTONGAN isi ikan kecil disua ke dalam kotak ketika memberi makan ketam.



CIPTAAN Musa itu telah didaftarkan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia sebagai hak cipta terpelihara.

tidak bersisik seperti ikan kembung, selar kuning dan lain-lain kepada ketam-ketam ini.

"Saya memberi makan ikan tidak berisik kerana ingin memastikan sistem saliran untuk tempat peliharaan ketam ini tidak dicemari dengan sissik-sisik sehingga tersumbat," kata Musa Osman, 59, kepada K2.

Musa yang menetap di Kampung Ujong Pasir di Seremban, Negeri Sembilan telah menggunakan konsep 'pertanian bandar' untuk memelihara ketam nipah. Ketam nipah atau nama saintifiknya, *Scylla serrata* dikenali juga sebagai ketam lumpur atau ketam bakau.

Habitat asalnya adalah di kawasan paya bakau.

Melalui konsep pertanian bandar tersebut, Musa menggunakan sistem ternakan ketam nipah dikenali sebagai Sistem Penternakan Ketam Kompak (Compact Crab Farming System) yang merupakan inovasi dalam penternakan ketam secara tertutup.

"Melalui sistem ini kita tidak memerlukan ruang ataupun kolam yang luas untuk memelihara ketam.

"Sebaliknya dengan hanya keluasan 60 sentimeter lebar dan 150 sentimeter tinggi saya menyediakan kotak-kotak ternakan untuk dijadikan tempat tinggal ketam," ujarnya.

Jelasnya, keluasan tersebut membolehkannya menempatkan 35 kotak ternakan disusun menegak dengan seekor ketam dimuatkan pada setiap satu kotak yang di dalamnya turut mengandungi air.

Kotak-kotak tersebut turut dihubungkan dengan satu sistem saliran yang berfungsi untuk mengitar semula air masin yang diperlukan dalam penternakan ketam tersebut. Air masin

tersebut kemudian disalurkan ke setiap kotak mengandungi ketam itu.

Musa berkata, dia perlu sentiasa memastikan tahap kemasinan air antara 8 hingga 12ppm bagi memelihara ketam-ketam tersebut. Sejenis peralatan khas digunakan untuk memantau tahap kemasinan air itu.

Mengenal kelebihan penternakan menggunakan sistem itu, dakwa Musa, ia mampu mempercepatkan tumbesaran ketam nipah yang diternak.

"Kebiasannya, pada awalnya, kita akan memasukkan ketam nipah yang beratnya sekitar 150 gram (g) hingga 200g di dalam kotak ini.

"Kemudian berat ketam ini akan bertambah lebih 100g dalam tempoh cuma dua hingga empat minggu," katanya.

Terangnya, jika di habitat asal, agak sukar untuk ketam nipah tersebut mendapat pertambahan berat sedemikian dalam tempoh masa tersebut. Ini mungkin disebabkan pemakanan di habitat asalnya yang tidak teratur sekali gus memperlambatkan proses pembesaran.

Selain itu, kata Musa, ketam nipah yang diternak dengan menggunakan sistem tersebut juga lebih bersih, mempunyai lid lebih kenyal dan rasanya lebih manis.

Kongsi, harga pasaran ketam nipah di pasaran boleh mencecah sehingga RM60 untuk satu kilogram.

Musa yang memiliki latar belakang kejuruteraan mekanikal dan pernah bekerja di beberapa syarikat rawatan air menjelaskan, pengurusan air amat mustahak dalam memastikan sebarang hidupan air yang diternak tidak terjejas.

"Begitu juga ketam, pengurusan air amat penting. Sistem yang saya bangunkan ini berfungsi menapis air, mengitarinya semula sebelum disalurkan ke dalam kotak ternakan," terangnya.

Bagi memastikan air yang ditapis itu mencapai tahap yang diinginkan, dia menggunakan bahan-bahan tapisan seperti span, batu karang, arang batu, batu gamping berapi dan lain-lain lagi.

Penukaran air baharu pula hanya dilakukan setiap tujuh hingga 10 hari dengan kapasiti air yang ditukar cumalah sekitar 10 hingga 15 peratus.

Berbicara tentang konsep ternakan




MUSA sedang mengamati kemasinan air yang digunakan dalam penternakan ketam.



SET sistem ini dari sudut pandang keseluruhan.

Bentuk sistem ini seakan rumah kondominium dan ia tidak memerlukan ruang yang terlalu besar."



KETAM nipah yang diternak dengan sistem ini diletakkan mampu mencapai tumbesaran lebih pantas.

INFO

Sistem Penternakan Ketam Kompak

- Menggunakan kotak-kotak ternakan yang disusun secara menegak
- Dilengkapi fungsi kitar semula air mesin yang diperlukan bagi memelihara ketam
- Berat ketam akan bertambah lebih 100 gram dalam tempoh dua minggu

ketamnya itu, Musa menjelaskan dia sebenarnya telah membangunkan sistem tersebut sejak 13 tahun lalu.

"Saya terfikir, kebiasaannya untuk memelihara sesuatu hidupan air kita memerlukan kawasan yang besar. Namun, bagaimanakah mereka yang tidak mempunyai ruang untuk berbuat demikian?"

"Dari situ, saya mendapat idea untuk membangunkan sistem yang sesuai untuk konsep pertanian bandar. Bentuk sistem ini seakan rumah kondominium dan ia tidak memerlukan ruang yang terlalu besar," jelasnya.

Musa juga mendakwa, sistem ciptaannya itu adalah tulen apabila telah didaftarkan sebagai harta intelek di Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 2009 sebelum mengkomersialkannya di pasaran.

Selain itu, Musa juga menerima tempahan daripada orang ramai yang memintanya menyediakan set sistem tersebut.

"Saya ada menjual dan menerima tempahan daripada pelanggan yang berminat untuk memelihara ketam dengan menggunakan sistem ini.

"Saya menawarkan dua saiz untuk mereka pilih iaitu set mini mempunyai 35 kotak yang berharga RM2,500, manakala bagi saiz komersial iaitu 100 kotak berharga RM6,000," jelasnya.

Tambahnya, bagi mereka yang berhasrat untuk memelihara ketam menggunakan sistem tersebut dinasihatkan untuk mencuba set mini terlebih dahulu selain belajar tentang pengurusan air dan penjagaan awal ketam.

Setelah mahir, mereka boleh menggunakan set komersial dan menjadikannya sebagai salah satu punca untuk menjana pendapatan.

Musa juga mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk membangunkan sistem yang sama bagi memelihara udang kara.



TURKI FAISAL

Pertanian bandar bekalkan makanan

MUTAKHIR ini dunia dilihat sedang berhadapan dengan krisis makanan disebabkan pelbagai faktor. Maka tidak hairanlah kini harga bahan mentah makanan juga semakin meningkat dengan ketara.

Oleh itu, dalam mengurangkan kesan tersebut, amalan pertanian bandar dilihat menjadi alternatif terbaik dalam menyediakan sumber makanan.

Profesor adjunct di Jabatan Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem, Universiti Arizona, Dr. Turki Faisal Al-Rasheed berkata, pertanian bandar merupakan satu aktiviti penanaman sayur-sayuran dan penternakan haiwan di bandar bagi menyediakan sumber makanan yang segar.

Menurutnya, pertanian bandar bukan hanya menyediakan sumber makanan, malah mewujudkan peluang pekerjaan dan mengukuhkan daya tahan bandar terhadap perubahan iklim.

"Pertanian bandar juga dapat mengurangkan kemiskinan dari rasa kekusaran akan berlaku kekurangan makanan akibat urbanisasi.

"Malah, pada permulaan pandemik Covid-19, banyak negara mengenakan sekatan untuk mencegah penyebaran virus dan mengakibatkan gangguan rantaian bekalan makanan sehingga berlaku kekurangan makanan dan pembelian panik," jelasnya.

Tambahnya, kesan daripada itu, beberapa negara termasuk Arab Saudi telah mengukuhkan keselamatan makanan mereka.

Makanan segar yang tersedia kerana amalan pertanian bandar telah dilihat menjadi penyelesaian untuk menyediakan makanan bagi rakyat dan penduduk. Banyak negara telah menggalakan penduduk mereka mengamalkan pertanian bandar.

"Ia boleh meningkatkan bekalan makanan segar yang sihat dan mampan untuk semua penduduk di bandar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	23

Jual durian hingga 1,000kg sehari

Peniaga nafi dakwaan durian tidak laris

Oleh **MORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN

Permintaan terhadap durian kekal tinggi meskipun harganya dikatakan meningkat di pasaran. Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa bandaraya Kuantan mendapati, aktiviti penjualan berjalan lancar dan mereka mendakwa berjaya menjual sekitar 800 hingga 1,000 kilogram (kg) durian sehari.

Peniaga durian, Kamarul Hafsan, 36, memberitahu, pelanggan tidak putus

putus mengunjungi gerai buahnya di Jalan Gambang-Batu Tiga di sini.

"Setakat ini, permintaan menggalakkan daripada pelanggan dan dakwaan mengatakan durian tidak laris adalah tidak benar sama sekali.

"Setiap hari saya mampu menjual sekitar 800 hingga 1,000 kg durian tempatan seperti IOI, musang king, durian kahwin dan durian kampung," katanya ketika ditemui di gerainya di Jalan Gambang-Batu Tiga di sini pada Selasa. Dia yang sudah sedekad berniaga durian berkata, bekalan durian diperolehi dari pembekal di Johor Bahru setiap hari.

Jelasnya, harga yang ditawarkan antara RM10 hingga RM80 sekali kilogram dan mengikut jenis dan grad durian.

Seorang lagi peniaga durian, Mohd Sabrin Mohd Nor, 41, mengatakan jualan itu meningkat dua



Kamarul mengukui durian musang king, IOI di gerai miliknya di Jalan Gambang-Batu Tiga mendapat permintaan daripada penggemar raja buah itu.

kali ganda berbanding dua tahun lalu. Susulan itu, dia terpaksa membuat tempahan pelbagai jenis durian daripada pembekal dari Johor Bahru setiap hari.

"Setiap hari saya perlu mendapatkan bekalan daripada pembekal sebanyak 20 bakul dengan berat durian yang dianggarkan lebih 60kg," ujarnya yang senada

dengan Kamarul. Bertalin pula dengan Azizon Awang, 46, yang mendakwa sambutan masih kurang disebabkan harga durian mahal.

"Kalau permintaan tinggi naiklah harga tu, kalau permintaan kurang maka harga akan jatuh serta merta.

"Misalnya, durian kampung harga yang ditolak pekebun kepada pemborong harganya RM8 sekilogram pemborong tolak kepada pembekal RM9, seterusnya pembekal jual kepada peruncit RM11 sehingga RM12. Jadi kami (peruncit) jual kepada pembeli antara RM15 hingga RM20 sekilogram," ujarnya.

Sementara itu, pembeli durian, Muhamad Abdul Rashid, 37, berpendapat, harga durian setakat ini tidak terlalu mahal.

"Dulu saya beli durian IOI harganya RM45 sekilogram, kini harganya turun sekitar lebih RM30. Penurunan harga ini mungkin disebabkan lambakan buah berkenaan," ulasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Pembenihan awan tingkatkan paras air kolam Bukit Merah

IPOH - Kerajaan Perak akan meneruskan perancangan melakukan pembenihan awan meskipun paras air kolam Bukit Merah, Bagan Serai menunjukkan peningkatan dalam tempoh beberapa hari ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, kaedah itu akan dilakukan berikutan paras air kolam masih tidak mampu menampung pengaliran untuk kegunaan pertanian dan domestik terutama di musim kemarau ini.

“Walaupun ada peningkatan, pastinya tidak men-

cukupi kerana Bukit Merah tidak mempunyai mata air seperti tasik lain. Jika tidak hujan, air Bukit Merah dialirkan keluar untuk pengaliran akhirnya kering.

“Oleh itu, kita perlu bersiap sedia menampung air takungan itu. Apabila musim kemarau, pembenihan awan masih diperlukan. Sekarang ini musim kemarau,” katanya kepada pemberita sempena program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri di sini pada Selasa.

Portal publicinfo.najir.water.gov.my menunjukkan paras air kolam Bukit Merah berada pada paras 6.8 meter berbanding pa-

ras normal iaitu 8.68 meter.

Minggu lalu, media melaporkan kerajaan negeri akan menjalankan pembenihan awan untuk mengatasi masalah paras air di kolam berkenaan susulan laporan dibuat oleh Exco Jawatankuasa Pertadangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria.

Jabatan Pengaliran dan Saliran Kerian menerusi Facebook memaklumkan bahawa bekalan air pengaliran akan dihentikan secara berperingkat sepenuhnya setelah paras kolam Bukit Merah mencecah paras 6.096 meter.



Saarani (tengah) ketika ditemui pemberita pada program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri di Ipoh pada Selasa.

Keutamaan bekalan air dari kolam Bukit Merah kini adalah untuk rawatan air mentah oleh

Loji Rawatan Air (LRA) Gunung Semanggol dan Jalan Baru, Parit Buntar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	9



TINJAUAN di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu mendapati peniaga mendapat bekalan ayam daripada pembekal dan pemborong dari Kelantan atau Perak.

Bekalan ayam di Kelantan pulih

Kota Bharu: Bekalan ayam segar di Kelantan sudah pulih sejak seminggu lalu apabila peniaga memperoleh jumlah yang mencukupi daripada pembekal.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah di sini, semalam mendapati semua peniaga mendapat bekalan ayam daripada pembekal dan pemborong sama ada dari Kelantan atau Perak.

Peniaga ayam, Rusmin Hanafi, 48, berkata, dia mendapat ayam yang cukup sebanyak 300 ekor sehari, berbanding sekitar 100 hingga 150 ekor sehari sebelum ini.

"Alhamdulillah bekalan ayam sudah cukup, namun harganya tinggi sedikit menyebabkan tidak ramai pelanggan datang membeli di kedai.

"Namun, saya bersyukur kerana ada pelanggan tetap seperti pengusaha kantin hospital dan pemilik kedai makan yang mengambil

bekalan dengan saya," katanya yang sudah berniaga ayam lebih 20 tahun.

Pemborong ayam, Kamariah Hanafi, 58, berkata, dia mendapat bekalan ayam daripada pembekal antara 500 hingga 800 ekor sehari.

Katanya, ayam yang diperoleh daripada pembekal dengan harga RM8.90 sekilogram sebelum dijual kepada penjual dan peruncit.

"Bekalan ayam sudah pulih, nantun harga makin naik, saya hanya dapat untung yang kecil tapi tak mengapa asalkan bekalan setiap hari habis dijual," katanya.

Pembeli, Abdul Kadir Ali, 73, berkata, harga ayam sangat mahal iaitu RM9.50 sekilogram menyebabkan pengguna rasa terbeban.

"Saya harap kerajaan memantau harga ayam memandangkan bekalan sudah pulih dan saya lihat bekalan ayam di pasar juga banyak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	UTUSAN.COM	ONLINE	

KPLB YAKIN DAPAT ATASI KRISIS MAKANAN NEGARA

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA | | 07 Jun 2022



Antara penerima bantuan sempena Program Pendampingan dan Penyampaian Bantuan WarungDesa@KPLB Daerah Kuala Muda pada Selasa.

SUNGAI PETANI - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yakin dapat mengatasi krisis makanan negara melalui usaha mengembangkan industri penternakan membabitkan lembu dan ayam.

Timbalan Menteri 1 Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, usaha yang digerakkan melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Felcra Berhad itu diharapkan memberi jaminan bahawa bekalan makanan negara akan terus kekal.

Menurutnya, sebanyak RM60 juta diperuntukkan bagi membesarkan penternakan lembu yang dilaksanakan menerusi Felcra Berhad manakala RM20 juta bagi mengembangkan penternakan ayam melalui RISDA.

"Sasaran kita sebenarnya memerlukan tambahan lebih kurang 600,000 ekor ayam dalam tempoh 35 hari manakala sasaran tambahan penternakan lembu yang diperlukan ialah 10,000 ekor setahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir Program Pendampingan dan Penyampaian Bantuan WarungDesa@KPLB Daerah Kuala Muda di Desa Keda Tepi Sungai, Kota Kuala Muda, pada Selasa.

Jelasnya, usaha yang dilaksanakan KPLB sekurang-kurangnya membantu menjamin sekuriti makanan sekaligus menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam memastikan krisis makanan negara dapat diatasi.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan, KPLB memperuntukkan sebanyak RM80 juta untuk menjamin bekalan makanan dan sekuriti makanan negara agar terus kekal terjamin bagi kesejahteraan Keluarga Malaysia.



Abdul Rahman menyampaikan bantuan kepada penerima bantuan peralatan dan WarungDesa@KPLB sempena Program Pendampingan dan Penyampaian Bantuan di Keda Tepi Sungai Kota Kuala Muda pada Selasa.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata, KPLB menerusi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) turut menumpukan kepada projek ekonomi berasaskan perusahaan sumber asas tani, perniagaan kecil-kecilan, perkhidmatan dan aktiviti pertanian, perikanan serta penternakan.

Menurutnya, bantuan PPP diberikan dalam pelbagai bentuk antaranya mesin, peralatan, bahan mentah, premis, bengkel, ruang niaga, kos operasi permulaan dan bimbingan bagi masyarakat B40 luar bandar.

"Hari ini, KPLB menerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) telah menyerahkan WarungDesa@KPLB dan peralatan perniagaan kepada 21 usahawan membabitkan peruntukan RM196,417.

"Sehingga Jun 2022, seramai 135 orang telah menerima WarungDesa@KPLB di seluruh negara daripada jumlah keseluruhan 950 orang sasaran peserta PPP," katanya.

Abdul Rahman turut menyampaikan bakul makanan kepada 96 penduduk Desa Keda Tepi Sungai, Kuala Muda bagi meringankan beban keluarga

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	MALAYSIAPOST.COM	ONLINE	

RM10 JUTA DIPERUNTUKAN UNTUK PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN – KPLB



KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

Program berkenaan bertujuan bagi meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar serta pengeluaran bekalan makanan untuk negara.

Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, konsep PPP di bawah agensi KPLB akan dikembangkan termasuk dalam meningkatkan pengeluaran makanan untuk negara.

“Pada masa kini, program PPP lebih bertumpu kepada pemberian bantuan mesin, peralatan, bahan mentah serta bimbingan bagi masyarakat B40 luar bandar menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan di bagi meningkatkan pendapatan dan mengeluarkan masyarakat daripada belunggu kemiskinan.

“Kumpulan sasar adalah golongan berpendapatan rendah kategori B40 dan menetap di luar bandar”, katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir pada Program Pendampingan dan Penyampaian WarungDesa@KPLB Daerah Kuala Muda.

Abdul Rahman berkata, kerajaan kini sedang giat dalam meningkatkan pengeluaran bekalan makanan bagi menampung jaminan makanan (food security) dalam negara.

Justeru, katanya, PPP ini akan dijadikan mekanisme bagi memastikan masyarakat luar bandar turut menceburi bidang pertanian, perikanan dan penternakan untuk menambah pengeluaran makanan dalam negara.

Tambahnya, buat masa ini, program PPP lebih bertumpu kepada perniagaan secara kecil-kecilan seperti jualan makanan dan minuman serta perkhidmatan seperti jahitan, gunting rambut dan perusahaan spa dan kecantikan wanita.

“Bagi masyarakat luar bandar terutama B40 yang sedang melaksanakan bidang pertanian, perikanan dan penternakan, PPP ini dilihat mampu untuk meluaskan serta mengembangkan lagi aktiviti sedia ada ke arah penghasilan output dalam skala yang besar.

“Sebagai contoh menerusi PPP, penternak ayam boleh membesarkan lagi reban ternakan ayam bagi menambah kuantiti ayam sedia ada dan petani sayur-sayuran boleh menggunakan mesin dan peralatan yang lebih canggih untuk meningkatkan hasil sayur-sayuran seterusnya boleh dipasarkan kepada pihak FAMA atau dijual sendiri”, katanya.

Pada program tersebut, KPLB menerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) menyerahkan Warung Desa@KPLB dan peralatan untuk perniagaan kepada 21 orang usahawan yang layak melibatkan peruntukan berjumlah RM 196,417.00.

Abdul Rahman turut menyerahkan bakul makanan kepada 96 orang penerima yang terdiri daripada penduduk Desa KEDA Tepi Sungai Daerah Kuala Muda bagi membantu meringankan beban KIR yang berada dalam penempatan desa KEDA.

“KEDA sebagai sebuah agensi KPLB menerima peruntukan berjumlah RM 800,000.00 bagi program PPP akan terus memainkan peranannya merancang dan melaksanakan pembangunan bersepadu melalui pelbagai program komprehensif dalam membantu meningkatkan taraf hidup, kehidupan dan sosio ekonomi masyarakat luar bandar.

“Selain itu, agensi-agensi lain di bawah KPLB akan terus melihat pendekatan-pendekatan lain dalam memastikan masyarakat luar bandar terus dibela dan diberi keutamaan menerusi pelbagai inisiatif, bantuan dan projek-projek berskala besar dan kecil khususnya infrastruktur, pendidikan dan keusahawanan di luar bandar,” katanya. Malaysiapost

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	EDISI9.COM	ONLINE	

KPLB TINGKATKAN PENGELUARAN BEKALAN MAKANAN NEGARA

By
Sharieza Ismail



SEJUMLAH RM10 juta diperuntukkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dalam usaha meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar serta pengeluaran bekalan makanan untuk negara.

Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar, Datuk Sri Abdul Rahman Mohamad berkata, konsep PPP di bawah agensi KPLB akan dikembangkan termasuk dalam meningkatkan pengeluaran makanan untuk negara.

“Pada masa kini, program PPP lebih bertumpu kepada pemberian bantuan mesin, peralatan, bahan mentah serta bimbingan bagi masyarakat B40 luar bandar menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan di bagi meningkatkan pendapatan dan mengeluarkan masyarakat daripada belunggu kemiskinan.

“Kumpulan sasar adalah golongan berpendapatan rendah kategori B40 dan menetap di luar bandar.

“Kerajaan kini sedang giat dalam meningkatkan pengeluaran bekalan makanan bagi menampung jaminan makanan (food security) dalam negara.

“Justeru, PPP akan dijadikan mekanisme bagi memastikan masyarakat luar bandar turut menceburi bidang pertanian, perikanan dan penternakan untuk menambah pengeluaran makanan dalam negara,” katanya.

Abdul Rahman berkata demikian ketika hadir pada Program Pendampingan dan Penyampaian WarungDesa@KPLB Daerah Kuala Muda.

Turut hadir pada program tersebut Pegawai Daerah Kuala Muda, Datuk Md Shuhaime Abd. Rahman, Timbalan Pengurus Besar Operasi KEDA, Khairul Azmeer Abu Bakar dan Timbalan Pengurus Besar Pengurusan KEDA, Afifah Omar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	SUARA MERDEKA	ONLINE	

PPP TINGKATKAN PENGELUARAN BEKALAN MAKANAN NEGARA



KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bagi meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar serta pengeluaran bekalan makanan untuk negara.

Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar, Datuk Sri Abdul Rahman Mohamad berkata, konsep PPP di bawah agensi KPLB akan dikembangkan termasuk dalam meningkatkan pengeluaran makanan untuk negara.

“Pada masa kini, program PPP lebih bertumpu kepada pemberian bantuan mesin, peralatan, bahan mentah serta bimbingan bagi masyarakat B40 luar bandar menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan di bagi meningkatkan pendapatan dan mengeluarkan masyarakat daripada belunggu kemiskinan.

Kumpulan sasar adalah golongan berpendapatan rendah kategori B40 dan menetap di luar bandar”, ujar Abdul Rahman.

“Kerajaan kini sedang giat dalam meningkatkan pengeluaran bekalan makanan bagi menampung jaminan makanan (food security) dalam negara.



Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar, Datuk Sri Abdul Rahman Mohamad ketika berucap pada Program Pendampingan dan Penyampaian WarungDesa@KPLB Daerah Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah hari ini. Foto: UKK KPLB

Justeru, PPP akan dijadikan mekanisme bagi memastikan masyarakat luar bandar turut menceburi bidang pertanian, perikanan dan penternakan untuk menambah pengeluaran makanan dalam negara”, ujar Abdul Rahman lagi.

Beliau menambah, pada masa kini program PPP lebih bertumpu kepada perniagaan secara kecil-kecilan seperti jualan makanan dan minuman serta perkhidmatan seperti jahitan, gunting rambut dan perusahaan spa dan kecantikan wanita.

“Bagi masyarakat luar bandar terutama B40 yang sedang melaksanakan bidang pertanian, perikanan dan penternakan, PPP ini dilihat mampu untuk meluaskan serta mengembangkan lagi aktiviti sedia ada ke arah penghasilan output dalam skala yang besar.

Sebagai contoh menerusi PPP, penternak ayam boleh membesarkan lagi reban ternakan ayam bagi menambah kuantiti ayam sedia ada dan petani sayur-sayuran boleh menggunakan mesin dan peralatan yang lebih canggih untuk meningkatkan hasil sayur-sayuran seterusnya boleh dipasarkan kepada pihak FAMA atau dijual sendiri”, ujar beliau lagi.

Abdul Rahman berkata demikian ketika hadir pada Program Pendampingan dan Penyampaian WarungDesa@KPLB Daerah Kuala Muda.

Turut hadir pada program tersebut Pegawai Daerah Kuala Muda, Datuk Md Shuhaime Abd. Rahman, Timbalan Pengurus Besar Operasi KEDA, Khairul Azmeer Abu Bakar dan Timbalan Pengurus Besar Pengurusan KEDA, Hajah Afifah Haji Omar.

Pada program tersebut, KPLB menerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) menyerahkan Warung Desa@KPLB dan peralatan untuk perniagaan kepada 21 orang usahawan yang layak melibatkan peruntukan berjumlah RM 196,417.00.

Datuk Sri Abdul Rahman Mohamad menyerahkan bakul makanan kepada sejumlah 96 orang penerima yang terdiri daripada penduduk Desa KEDA Tepi Sungai Daerah Kuala Muda pada majlis tersebut. Foto: UKK KPLB

Abdul Rahman turut menyerahkan bakul makanan kepada sejumlah 96 orang penerima yang terdiri daripada penduduk Desa KEDA Tepi Sungai Daerah Kuala Muda bagi membantu meringankan beban KIR yang berada dalam penempatan desa KEDA.

“KEDA sebagai sebuah agensi KPLB menerima peruntukan berjumlah RM 800,000.00 bagi program PPP akan terus memainkan peranannya merancang dan melaksanakan pembangunan bersepadu melalui pelbagai program komprehensif dalam membantu meningkatkan taraf hidup, kehidupan dan sosio ekonomi masyarakat luar bandar.

Selain itu, agensi-agensi lain di bawah KPLB akan terus melihat pendekatan-pendekatan lain dalam memastikan masyarakat luar bandar terus dibela dan diberi keutamaan menerusi pelbagai inisiatif, bantuan dan projek-projek berskala besar dan kecil khususnya infrastruktur, pendidikan dan keusahawanan di luar bandar. – SM



08 JUN, 2022

Ministry allocates RM10m for rural B40 community

The Sun, Malaysia

Page 1 of 2

Ministry allocates **RM10m** for rural **B40** community

➤ Income Enhancement Programme to be used to boost food production while uplifting the poor

BY **SURAYA ALI**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Rural Development Ministry has allocated RM10 million for an Income Enhancement Programme for the rural community as well as ensure food supplies for the country.

Its Deputy Minister I Datuk Sri Abdul Rahman Mohamad said the concept of the programme under the ministry's agencies will be developed and include strategies to boost food production.

"Currently, the programme is more focused on providing assistance in the form of machinery, equipment, raw materials and guidance to members of the rural B40 community to venture into businesses and

entrepreneurship to increase their incomes and lift them out of poverty.

"The government is currently engaged in increasing food production to ensure food security in the country. Therefore, the Income Enhancement Programme will be used as a mechanism to ensure that the rural community also ventures into agriculture, fisheries and livestock production."

Abdul Rahman said at present the programme is more focused on small-scale businesses such as food and beverage sales as well as services such as tailoring, barbershops, spas and women's beauty enterprises.

"For the B40 rural community involved in agriculture, fisheries and livestock

production, our latest initiatives have been expanded to assist them to produce on a larger scale.

"For example, poultry farmers can expand their chicken coops to increase production. Vegetable farmers can use more sophisticated machines and equipment to increase yields, which can then be marketed to the Federal Agricultural Marketing Authority or sold directly."

Abdul Rahman said his ministry, through the Kedah Regional Development Authority, had allocated RM800,000 for the programme in Kedah and will continue to play its role in planning and implementing integrated developments through various comprehensive programmes to help improve living standards and the socio-economic status of rural communities.

He added that agencies under the ministry will continue to look at other approaches to ensure rural communities are protected and given priority through various large and small-scale projects.



08 JUN, 2022

Ministry allocates RM10m for rural B40 community

The Sun, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Income Enhancement Programme to be used to boost food production while uplifting the poor

PETALING JAYA: The Rural Development Ministry has allocated RM10 million for an Income Enhancement Programme for the rural community as well as ensure food supplies for the country. Its Deputy Minister I Datuk Sri Abdul Rahman Mohamad said the concept of the programme under the ministry's agencies will be developed and include strategies to boost food production.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

SWEET NIRA TERENGGANU DIJENAMA SEMULA DAPAT PERMINTAAN

June 7, 2022



Foto daripada Facebook Dr Azman Ibrahim.

MARANG: Terengganu menyasarkan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) tanaman kelapa kepada 70 peratus menjelang tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri Dr Azman Ibrahim berkata ketika ini Terengganu hanya mampu memenuhi 64 peratus keperluan kelapa bagi populasi penduduk yang berjumlah sekitar 1.2 juta orang.

"Tanaman kelapa antara fokus utama yang kita gariskan dalam Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023.

"Untuk mencapai sasaran 70 peratus tersebut, kita memerlukan 200 hektar kawasan tanaman baharu untuk mengeluarkan hasil yang boleh menampung keperluan 70 peratus penduduk," katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Minuman Isotonik, Sweet Nira Terengganu di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Terengganu Zulkifli Amin Yusof.

Justeru bagi mencapai sasaran itu, Dr Azman berkata kerajaan negeri sedang mengusahakan projek tanaman kelapa seluas 250 hektar di Setiu dengan kerjasama Ladang Rakyat Terengganu dan anak syarikat kerajaan negeri.

Selain mencapai sasaran ditetapkan, beliau berkata tanaman kelapa juga mampu menjana pendapatan negeri sekali gus menyumbang kepada jaminan bekalan makanan Terengganu.

Dalam pada itu, Dr Azman berkata Sweet Nira Terengganu yang dijenamakan semula daripada air tuak kelapa itu sentiasa mendapat permintaan tinggi dan berpotensi besar untuk dipromosi ke pasaran luar negara.

Ia memandangkan minuman tersebut mempunyai rasa yang unik dan kandungan mineral tinggi termasuk vitamin, asid amino dan sebagainya.

“Selain di Terengganu, kita juga ada menghantar produk ini ke Kuala Lumpur, Kuantan dan Melaka. Kita rancang pasarkan produk ini ke semua negeri selepas memperoleh sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia,” katanya.

Beliau berkata setakat ini terdapat 28 pekebun kelapa di negeri ini yang mengeluarkan hampir satu juta liter Sweet Nira setahun dengan pendapatan sekitar RM6.4 juta. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	KOSMO.COM	ONLINE	

BEKALAN IKAN STABIL, HARGA RUNCIT MASIH RENDAH

Oleh AMREE AHMAD



PUTRAJAYA – Dakwaan pihak tertentu kononnya bekalan ikan di negara ini semakin kurang dan mengakibatkan harga naik tanpa disedari mencetuskan banyak persoalan yang menarik.

Terbaharu, data diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang dipetik daripada sumber rasmi pihak Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menunjukkan keadaan sebaliknya.

Pendaratan ikan di seluruh negara suku pertama tahun ini sebenarnya adalah stabil walaupun berlaku kekurangan sedikit daripada suku keempat pada tahun lalu ekoran musim tengkujuh.

Rekod DOSM melaporkan untuk tiga bulan pertama tahun ini, sejumlah 307,396 tan ikan telah berjaya didaratkan daripada rekod sepanjang tiga bulan terakhir 2021 lalu iaitu 311,884 tan.

Sekiranya diperbuat perbandingan antara tahun-ke-tahun, suku pertama 2022 itu adalah jauh lebih baik daripada rekod suku pertama 2021 yang hanya mencatatkan 297,798 tan sahaja.

Situasi kali ini mencetuskan kemusykilan apabila peniaga runcit di pasar tertentu di negara ini sengaja menaikkan harga ikan dengan alasan tipikal konon timbul isu bekalan begitu kurang.

Mereka mendakwa konon stok tersebut telah merosot 50 peratus yang mengakibatkan harga terpaksa melonjak 40 peratus walhal tiada tempat berlaku musim tengkujuh atau banjir teruk. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2022	UTUSAN.COM	ONLINE	

BEKALAN AYAM PULIH DALAM TEMPOH SEBULAN – FLFAM



PETALING JAYA: Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) memberi jaminan bahawa bekalan ayam pulih dalam tempoh sebulan.

Katanya, ini berdasarkan data Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang menunjukkan pemulihan positif dalam pengeluaran hampir tiga peratus selepas negara memasuki fasa peralihan ke endemik.

Malah, terdapat peningkatan 1.16 peratus dalam pengeluaran dari 2021 hingga 2022 dan peningkatan 2.98 peratus dalam pengeluaran daripada 2021.

“Sepanjang 15 tahun yang lalu, pertumbuhan pengeluaran ayam pedaging secara purata adalah sekitar 5 peratus setiap tahun. Hanya terdapat penurunan pengeluaran pada tahun 2019 dan 2020 disebabkan oleh pandemik Covid-19.

“Data menunjukkan bahawa pengeluaran telah pun pulih pada tahun 2021 dan meningkat pada tahun 2022. Oleh itu pengeluaran ayam kini dalam pemulihan dan bekalan semakin meningkat,” katanya dalam kenyataan.

Bagaimanapun, katanya, permintaan terhadap ayam melonjak dengan cepat selepas pemulihan daripada pandemik.

Ini kerana, katanya, peningkatan pengeluaran mengambil masa kerana ladang perlu memulakan penternakan ayam pedaging daripada anak ayam, menyebabkan kadar permintaan yang tinggi selepas wabak tidak dijangka.

“Lonjakan permintaan yang tidak seimbang ini menimbulkan kesan kekurangan walaupun pengeluaran meningkat.

“Berikutan momentum pemulihan pengeluaran, kami menjangkakan jurang bekalan-permintaan akhirnya akan pulih dan bekalan sepatutnya memenuhi permintaan dalam masa sebulan,” katanya.

Selain itu, katanya, industri ternakan ayam juga dibebani oleh kekurangan tenaga buruh.

“Kos bahan mentah makanan ayam yang diimport juga telah meningkat sekurang-kurangnya 40 peratus dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan harganya tidak turun.

“Oleh yang demikian, industri ternakan ayam menghadapi peningkatan kos pengeluaran. Kami yakin masalah bekalan ayam akan dapat diselesaikan dan mencukupi untuk memenuhi permintaan pasaran,” katanya. – UTUSAN